

Gagal urus wang punca muflis muda

Oleh DR. NUR SURAYYA SAUDI

PENGURUSAN kewangan suatu keperluan dan dianggap wajib untuk setiap individu.

Agensi Kaunseling Pengurusan Kewangan (AKPK) melaporkan peningkatan jumlah permohonan Program Pengurusan Kredit (PPK) iaitu seramai 8,172 individu pada 2006 dan meningkat kepada 256,579 individu pada 2018.

Manakala menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi terdapat 0.57 peratus individu muflis di bawah umur 25 tahun.

Angka ini menunjukkan ramai tidak berupaya menguruskan kewangan dengan baik.



Dalam masa sama, Jabatan Insolvensi pada Disember 2019 melaporkan Negeri Selangor mencatatkan jumlah

kebankrapan tertinggi di Malaysia dengan 72,935 orang manakala Perlis mencatatkan jumlah yang terendah iaitu 1,103 orang.

Usaha menangani hal ini perlu dilakukan dengan memperkenalkan subjek khas berhubung perancangan kewangan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

Ilmu berkaitan membantu individu mengurus dengan baik selain mengelakkan diri daripada berasa tertekan dengan beban kewangan yang

JUMLAH KES BANKRAP 2015 - 2019



JUMLAH KES KEBANKRAPAN IKUT GOLONGAN UMUR (2015 - 2019)

BAWAH UMUR 25 TAHUN	25 - 34 TAHUN	35 - 44 TAHUN	45 - 54 TAHUN	55 TAHUN & KE ATAS	TIADA MAKLUMAT
2015 122	2015 4,648	2015 6,507	2015 4,744	2015 2,299	2015 137
2016 91	2016 5,183	2016 6,601	2016 4,967	2016 2,536	2016 210
2017 80	2017 4,785	2017 6,241	2017 4,628	2017 2,354	2017 139
2018 139	2018 4,139	2018 5,958	2018 4,022	2018 2,106	2018 118
2019 54	2019 2,603	2019 4,574	2019 3,087	2019 1,707	2019 26
JUMLAH 486	JUMLAH 21,358	JUMLAH 29,881	JUMLAH 21,448	JUMLAH 11,002	JUMLAH 630
0.57%	25.18%	35.23%	25.29%	12.97%	0.74%

*Bagi golongan umur TIADA MAKLUMAT, dokumen petisyen tidak mengandungi butiran usia bankrap (Pengenalan Polis/Tentera)

kediaman yang nyata lebih penting dari membeli kereta.

Kecetekan ilmu perancangan kewangan dan kurangnya pendedahan berkenaan kesan dan akibat kealpaan dalam perancangan itu, mengundang bencana kewangan dan seterusnya dilanda tekanan emosi yang berpanjangan.

Ia boleh membawa kesan negatif kepada sosioekonomi, pada masa sama merencatkan pertumbuhan ekonomi negara. Masalah yang timbul bagaikan ada saling kaitan antara satu sama lain. Ia bermula dengan tekanan emosi teruk hingga boleh menjelaskan prestasi kerja, seterusnya meningkatkan masalah rumah tangga.

Institusi kewangan turut menghadapi kesukaran memberikan pinjaman kepada individu untuk pakej-pakej pinjaman ditawarkan apabila pemohon mempunyai rekod kewangan yang buruk dan mempunyai komitmen hutang yang tinggi.

Kekangan ini secara tidak langsung menjelaskan keuntungan Institut kewangan dan memberikan kelembapan dalam penjualan rumah oleh pemaju perumahan yang memerlukan permintaan (pembeli) untuk terus bertahan.

Rentetan daripada masalah ini, ekonomi negara akan turut terjejas. Justeru itu, institusi pengajian tinggi (IPT) perlu mengambil langkah bijak dengan mewajibkan subjek pengurusan kewangan dalam silibus pembelajaran.

IMPLIKASI BESAR

Ini kerana kesilapan dalam memilih skim pinjaman kewangan boleh mengheret individu ke kancang muflis. Situasi ini dilihat sering berlaku terutamanya kepada golongan graduan muda yang dilihat terlalu mudah membuat pinjaman dalam memaparkan kehidupan mewah selepas bergaji.

Sedangkan kegagalan dalam mengurus kewangan dan cetek ilmu dalam pengurusan kewangan mengakibatkan individu muflis di awal kerjaya atau pada usia masih muda.

Situasi itu menyebabkan individu berhadapan masalah dalam membuat pinjaman lain seperti pinjaman perumahan, kendaraan dan sebagainya.

Akibat pengurusan kewangan lemah, graduan akan menjadi tidak mampu membeli aset seterusnya iaitu

Penulis adalah Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Sumber: Jabatan Insolvensi